

SOALAN NO. :82

**DEWAN RAKYAT MALAYSIA
PERTANYAAN BUKAN LISAN**

PERTANYAAN : BUKAN LISAN

DARIPADA : TUAN HAJI ZAINUDIN BIN ISMAIL

SOALAN :

Tuan Haji Zainudin bin Ismail [Jelebu] minta MENTERI SUMBER ASLI DAN ALAM SEKITAR menyatakan perancangan dan gerak kerja yang telah dilakukan untuk mencapai tahap pelepasan karbon dioksida kepada 40% menjelang tahun 2020.

JAWAPAN:

Tuan Yang DiPertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, YAB Perdana Menteri pada tahun 2009 telah pun mengumumkan sasaran pengurangan pelepasan GHG sebanyak 40% intensiti karbon berdasarkan Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK) menjelang tahun 2020 berbanding tahun 2005. Di antara inisiatif yang telah dilaksanakan bagi menjejaki pelepasan sasaran tersebut adalah dengan mengenal pasti dan menyenaraikan syarikat-syarikat swasta, agensi-agensi kerajaan dan organisasi-organisasi yang telah mengumumkan kesungguhan untuk melaksanakan aktiviti-aktiviti sukarela bagi mengurangkan pelepasan GHG. Aktiviti ini dikenali sebagai 'Low-hanging Fruit' (LHF) kerana mudah dicapai dan tanpa kos yang tinggi bagi pengurangan pelepasan GHG.

Selain itu, Kerajaan telah menyediakan "Road Map" dengan tajuk, *A Road Map of Carbon Intensity Reduction in Malaysia*, ke arah pencapaian pengurangan 40% intensiti karbon. "Road Map" ini meliputi 3 program utama iaitu, Kecekapan Penggunaan Tenaga (Energy Efficiency - EE), Tenaga Boleh Diperbaharui (Renewable Energy - RE), Pengurusan Sisa Pepejal dan Penanaman Pokok.

Di samping itu, Kementerian Sumber Asli dan Alam Sekitar, dengan kerjasama *United Nations Development Programme* (UNDP), sedang melaksanakan Program Pelaporan GHG Kebangsaan bagi Sektor Korporat atau dikenali sebagai MYCarbon. MYCarbon telah dilancarkan

oleh YB Timbalan Menteri Sumber Asli dan Alam Sekitar pada 3 Disember 2013. Program ini masih di peringkat fasa rintis pelaksanaan dan telah mendapat penyertaan daripada 24 organisasi dan syarikat swasta sehingga kini.

Dalam masa yang sama, keluasan hutan negara juga harus dikekalkan pada tahap sekurang-kurangnya 50% daripada jumlah keluasan tanah. Ini untuk menjamin penyerapan dan penyimpanan karbon dioksida secara berterusan. Sehubungan itu, Kementerian telah melaksanakan Kempen Menanam 26 Juta Pokok dengan tema "*Hijaukan Bumi: Satu Warga, Satu Pokok*" yang telah dilancarkan secara serentak di seluruh Negara sempena Sambutan Hari Bumi Sedunia pada 22 April 2010. Sehingga April 2014, sebanyak 53,616,239 pokok telah ditanam di kawasan seluas 66,528.91 hektar.

Sekian, terima kasih.